

13/03/1997

Konsert bantu wanita mangsa keganasan

JAM menunjukkan 12 tengah malam. Tiba-tiba terdengar ketukan, apabila pintu dibuka seorang wanita mendukung anak masih kecil menangis meminta bantuan perlindungan.

Menurut wanita itu beliau telah diganasi oleh suami sehingga mendesaknya melarikan diri dari rumah walaupun tengah malam.

Beliau berpendapat hanya dengan mendapatkan perlindungan daripada Awam, keadaan itu akan dapat diselesaikan dengan cara yang sewajarnya.

Sesungguhnya, kejadian wanita meminta bantuan perlindungan dari Persatuan Pergerakan Wanita (Awam), di tengah malam sudah lumrah.

Masalahnya, Awam tidak mempunyai pusat perlindungan semalaman dan terpaksa menggunakan kebijaksanaan dan perhitungan sukarelawan Awam untuk menempatkan wanita terbabit sebelum boleh memberi bantuan sepenuhnya kepada mereka.

Sehubungan itu, Awam akan menganjurkan Konsert bertajuk Break The Silence! Celebrating Women's Voices dengan harapan dapat mengumpul RM150,000 bagi membiayai kos mewujudkan pusat perlindungan semalaman. Selebihnya, Awam akan gunakan wang daripada sumbangan orang ramai itu untuk menyokong operasi persatuan terbabit dan program pendidikan kemasyarakatan.

Pengarah Projek dan juga Pentadbir Awam, Zaiton Mohd Kassim berkata konsert itu membariskan artis dari Instant Cafe Theatre, Kualiti Works, Shakti Dances dan penyanyi soul, Prema Lucas. Penaung konsert ialah Datin Paduka Marina Mahathir.

Manakala, Arfah Abdullah dan Jit Murad pula membacakan puisi bertajuk This Thing Called Rape.

Konsert itu akan berlangsung di Dewan San Choon, Wisma MCA, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, 12 April, jam 8 malam.

"Kami berharap masyarakat dan sektor korporat dapat menyumbang kepada konsert ini sebagai sokongan terhadap wanita bermasalah," katanya.

Awam adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang komited menentang keganasan terhadap wanita serta menguatkan penyertaan golongan Hawa dan fungsi mereka dalam pembangunan negara.

Zaiton berkata tiket adalah melalui sumbangan iaitu di antara RM25 hingga RM300. Untuk tempahan boleh hubungi pusat Awam menerusi talian 7570221 atau beberapa tempat terpilih yang akan diberitahu kelak.

Katanya lagi, konsert itu juga diadakan sempena meraikan Hari Wanita Antarabangsa, 8 Mac lalu.

"Kami berharap dapat menggerakkan kesedaran yang lebih luas mengenai isu berkaitan wanita terutama keganasan terhadap wanita serta memberi penghargaan kepada kesungguhan dan kemenangan wanita menghadapi sesuatu cabaran," katanya.

(END)